



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Ahad, 17 April 2022**

1.	Ketatkan pemantauan di rumah sembelihan
2	Tiada kes positif baharu ASF di Negeri Sembilan

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# Ketatkan pemantauan di rumah sembelihan

Oleh FAHMI FAIZ

fahmi.faiz@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Jabatan Kemanuwan Islam Malaysia (Jakim) digesa mengetarkan pemantauan di rumah-rumah sembelihan bagi mengelak insiden tidak mematuhi protokol sembelihan halal dan isu daging halal import yang diragui status halalnya.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, dalam masa yang sama siasatan perlu dilanjutkan bagi

menentukan dakwaan rumah penyembelihan haiwan di Australia tidak mengikut syariat Islam.

Katanya, jika isu sebegini terus berlaku meskipun pemantauan sudah dibuat, maka tidak mustahil wujud ketirisan dalam pengawalkuasaan se-

hingga daging yang diragui status halalnya dapat dibawa masuk ke dalam negara.

“Peraturan dalam negara kita telah menetapkan bahawa daging dari luar negara yang mahu dibawa masuk ke Malaysia perlulah daging yang halal.

“Maksudnya, dalam isu status halal daging diragui, maka

k e m u n g

kinan ada

berlaku keti-

risan di pintu

masuk negara

atau dalam ma-

na-mana proses

p e m b e k a l a n

daging itu ke

Malaysia sehing-

ga menyebabkan

daging tidak halal

dapat masuk ke

dalam negara kita,”

katanya kepada Mingguan Malaysia,

semalam.

Mohd. Yusuf

berkata, setakat ini

FOMCA tidak menerima sebarang laporan berhubung isu daging halal yang diragui namun mengasaskan ia perlu diberi perhatian serius kerana melibatkan kepentingan pengguna dalam negara.

Khamis lalu *Utusan Malaysia* mendedahkan terdapat rumah penyembelihan kambing biri-biri di Australia yang mendapat pengiktirafan Malaysia dan Singapura, didapati melanggar protokol sembelihan halal.

Menurut laporan yang disikong saksi, kambing biri-biri dilemaskan dalam darah yang terkumpul daripada haiwan yang disembelih sebelumnya dan bukannya kerana haiwan itu disembelih sebagai mana syarat yang diperlukan dalam keperluan penyembelihan halal.

Susulan itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, semalam memberitahu, pihaknya akan membongkar lebih banyak isu daging import yang diragui status halalnya.



275 ekor babi dari sebuah ladang tidak berlesen sudah dilupuskan

Oleh NORAFIDAH ASSAN

#### JELEBU

Tiada kes positif baharu penyakit demam babi Afrika atau ASF dilaporkan di Negeri Sembilan setakat ini.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, ketika ini pihak berkaitan sedang membuat pengawasan di ladang lain di negeri ini.

"Jika ada kes positif dilaporkan, tindakan lebih bersistematis mengikut undang-undang akan dilakukan.

"Rabu lepas, 275 ekor babi dari sebuah ladang tidak berlesen di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson sudah dilupuskan selepas berlaku kes

# Tiada kes positif baharu ASF di Negeri Sembilan

positif membabitkan dua ekor babi," katanya pada program penyerahan barang makanan kepada golongan memerlukan di Kampung Larong, di sini pada Sabtu.

Media sebelum ini melaporkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) mengesahkan kes positif ASF membabitkan dua ekor babi dari sebuah ladang tidak berlesen di Kampung Baru Site A, Tanah Merah, Port Dickson.

Kes positif itu dikesan selepas sampel diambil daripada 275 ekor babi sebelum dua daripadanya disahkan positif ASF.

Dalam perkembangan berlainan, Bakri berkata, lebih 800 ekor lembu akan disembelih sempena Program Mantai Dalam Talian anjuran kerajaan Negeri

Sembilan pada tahun ini.

"Setakat ini, terdapat lima peternak yang sudah menunjukkan minat bagi menyertai program mantai dalam talian ini.

"Program yang julung kali diadakan secara dalam talian itu membolehkan orang ramai membeli daging atau tulang dengan cara lebih mudah," jelasnya.

Ujarnya, disebabkan program tersebut dilaksanakan secara hibrid maka semua tempahan perlu diambil di lokasi di setiap daerah yang akan ditentukan nanti.

"Bagaimanapun, maklumat terperinci program mantai dalam talian itu akan dimaklumkan pada Isnin ini. Penyerahan daging akan dilakukan pada 30 April iaitu dua hari sebelum sambutan Aidilfitri," katanya.



Bakri menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penduduk di Kampung Larong, Jelebu pada Sabtu.